

Headline	TNB akan terus labur		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Page No	8
ArticleSize	61 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,640		



TNB akan terus labur

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan terus melabur dalam teknologi baharu bagi operasi utamanya iaitu Penjanaan, Penghantaran dan Pembahagian untuk meningkatkan lagi kecekapan, kata Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

“Penjanaan arang batu baharu kami dilengkapi dengan teknologi dandang super-kritikal terkini, manakala Bahagian Penghantaran dan Pembahagian sedang melaksanakan komponen terbaharu bagi operasi grid pintar.

“Sebagai contoh, Distribution Automation yang kami pasang akan bolehkan kami kurangkan kerugian, kesan kerosakan dan pulihkan bekalan dengan lebih cepak,” katanya dalam Laporan Tahunan 2013 syarikat.

Hasil pelaburan teknologi baru-baru ini, Azman berkata, TNB mencatatkan Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem (SAIDI) yang memberangsangkan pada 64.63 minit bagi setiap pelanggan setahun, yang setanding dengan tahap kebolehpercayaan penyedia perkhidmatan rangkaian negara maju. -Bernama